

**MOHAMMAD IKHRAM** Mohammad Ridzuan

**MOHD IKBAL** Mohd Huda

**SITY** Daud

Universiti Kebangsaan Malaysia

**HUBUNGAN NORMALISASI MALAYSIA DENGAN CHINA:  
HUJAHAN REALISME NEOKLASIK DALAM MENGANALISIS  
KEPUTUSAN TUN ABDUL RAZAK**

***MALAYSIA'S NORMALIZATION OF RELATIONS WITH  
CHINA: A NEOCLASSICAL REALIST EXPLANATION OF  
TUN ABDUL RAZAK'S DECISION***

*Artikel ini menganalisis perubahan dasar luar Malaysia terhadap China ketika era Abdul Razak iaitu daripada peringkat permusuhan kepada hubungan normalisasi. Tiga persoalan diketengahkan didalam kajian ini iaitu apa faktor yang mempengaruhi perubahan dasar luar Malaysia terhadap China; kedua, bagaimana tiga peringkat analisis menstrukturkan dasar luar Malaysia terhadap China dan ketiga, sejauhmana hubungan yang terjalin memberikan impak ke atas kepentingan nasional. Hujahan ketiga-tiga faktor tersebut dianalisis melalui tiga peringkat iaitu struktur antarabangsa, perubahan domestik dan peranan pemimpin. Teori realisme neoklasikal telah diadaptasi untuk menganalisis penstrukturkan dasar luar Malaysia terhadap China ketika era Abdul Razak. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan memperoleh data primer melalui temu bual berstruktur dengan para tokoh informan utama, kaedah analisis berdasarkan kronologi dan diperkukuhkan dengan bukti-bukti empirikal melalui data sekunder. Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa harmony interest dan diplomasi ping pong mempengaruhi dalam perubahan dasar luar Malaysia terhadap China. Walaupun kedua-dua buah negara saling mencurigai di dalam hubungan diplomatik namun berlaku peningkatan kerjasama yang komprehensif melalui aspek perdagangan dan politik.*

**Kata kunci:** *Malaysia, China, dasar luar, diplomasi ping pong, harmony interest.*

*This article analyses the changes in Malaysia's foreign policy towards China during the Abdul Razak era from animosity to the normalisation of relations. Three questions are highlighted in this*

*research; first, what are the factors that influence the changes in Malaysia's foreign policy towards China; second, how the three levels of analysis structure Malaysia's foreign policy towards China and third, to what extent the established relationship has an impact on the national interests of the two countries. The arguments of these three factors are analysed through three stages namely the international structure, domestic changes and the role of leaders. The neoclassical realism theory is applied in analyzing the structuring of Malaysia's foreign policy towards China during the Abdul Razak era. This research applies a qualitative method of obtaining primary data through structured interviews with key informants; an analytical method based on chronology; and supported with empirical evidence from the secondary data. Overall, this research concludes that harmony interest and ping-pong diplomacy influenced the changes in Malaysia's foreign policy towards China. Although the two countries are suspicious of one another in diplomatic relations, there was an increase in comprehensive cooperation through trade and political aspects.*

**Keywords:** *Malaysia, China, foreign policy, ping-pong diplomacy, harmony interest.*

## **Pengenalan**

Ketika era awal kemerdekaan, Malaysia tidak menjalinkan sebarang hubungan dengan negara komunis sehingga lewat era 1960-an. Malaysia mula menjalinkan hubungan diplomasi dengan negara-negara komunis seperti Kesatuan Soviet, Yugoslavia dan Bulgaria ketika akhir era pentadbiran Tunku Abdul Rahman pada tahun 1967. Walau bagaimanapun, pemuluan China di dalam arena politik antarabangsa oleh Amerika Syarikat dan Britain menyebabkan Malaysia tidak menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara komunis tersebut. Perubahan tampuk kepimpinan pada tahun 1970 merupakan titik permulaan dalam peralihan dasar luar Malaysia apabila Tun Abdul Razak menstrukturkan semula dasar luar yang lebih neutral dengan menjalinkan hubungan dengan semua negara walaupun berbeza ideologi, fahaman dan pentadbiran. Peralihan strategi dasar luar ini bukan bertujuan untuk memutuskan hubungan dengan mana-mana kuasa barat kerana negara masih memerlukan sokongan Amerika Syarikat dan Britain dalam aspek ekonomi dan keselamatan.

Bagi memastikan agenda ekonomi terus berkembang secara komprehensif, Malaysia telah mengaplikasikan prinsip berkecuali dalam persaingan dengan mana-mana kuasa-kuasa besar. Signifikannya, dasar tersebut juga untuk menjamin keselamatan nasional negara supaya tidak terperangkap dengan agenda kuasa-kuasa besar yang sedang bersaing di pentas

politik antarabangsa. Perkembangan ekonomi dan pasaran yang luas di China menyebabkan Abdul Razak menghantar deligasi pertama secara tidak rasmi ke Beijing yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah untuk menjalinkan hubungan ekonomi sebagai perintis hubungan normalisasi. Tindakan Razak untuk menjalinkan hubungan normalisasi dengan China telah mewujudkan kebimbangan dalam kalangan elit pemimpin termasuk rakyat kerana Parti Komunis Malaya (PKM) masih lagi aktif pada ketika itu. Walau bagaimanapun, prinsip dasar luar yang lebih neutral oleh Razak berjaya menjalinkan hubungan diplomatik rasmi dengan China pada 31 Mei 1974 walaupun masih berhadapan dengan situasi Perang Dingin.

Artikel yang bertujuan menganalisis faktor mengapa Malaysia menjalinkan hubungan normalisasi dengan China walaupun berhadapan dengan ancaman seperti konflik di IndoChina dan PKM ini berpandukan kepada tiga persoalan kajian iaitu pertama, apakah faktor yang mempengaruhi perubahan dasar luar Malaysia terhadap China. Kedua, bagaimanakah tiga peringkat analisis menstrukturkan dasar luar Malaysia ke atas China dan sejauhmanakah hubungan yang terjalin memberikan impak ke atas kepentingan nasional. Ketiga-tiga persoalan tersebut diujahkan melalui teori realisme neoklasikal dalam menghujahkan tindakan Malaysia terhadap China ketika era kepimpinan Razak. Teori ini relevan dalam menghujahkan faktor antarabangsa, domestik dan individu dalam menganalisis dasar luar sesebuah negara. Artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama, menghujahkan faktor antarabangsa ketika era Perang Dingin. Kedua, menilai keperluan faktor domestik yang mempengaruhi hubungan anomali Malaysia dengan China. Ketiga adalah rumusan tiga peringkat analisis dalam menghujahkan impak terhadap dasar keselamatan dan kepentingan nasional ketika era Abdul Razak.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini mengaplikasikan kajian kepustakaan dan temu bual berstruktur bagi menjawab permasalahan dan persoalan kajian. Data dan maklumat sekunder diperolehi melalui dokumen bercetak seperti buku, artikel dan jurnal berkaitan hubungan antarabangsa yang mempunyai perbincangan kritikal dan komprehensif yang meliputi isu mengenai hubungan Malaysia terhadap China, kebangkitan kuasa China, dasar luar Malaysia dan China dan dasar luar China terhadap rantau Asia Tenggara ketika era Perang Dingin. Temu bual berstruktur pula telah dilakukan kepada individu yang terlibat secara langsung dalam menyumbangkan idea, mengulas, mencadang serta menganalisis dalam pembentukan dasar luar Malaysia seperti penyelidik dan pakar bidang, bekas pemimpin elit, bekas pegawai kanan kerajaan dan ahli akademik. Antara responden yang terlibat adalah Tan Sri Mohamad Jawhar Hassan iaitu bekas Pengarah Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan bekas Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Tan Sri Tengku Razaleigh

Hamzah ialah Pengasas dan Ketua Pegawai Esekutif Petronas 1972, bekas Menteri Kewangan (1976-1984) dan bekas Menteri Perdagangan dan Industri (1984-1987). Profesor Dr. Stephen Leong yang merupakan Fello Jemputan dan Bekas Timbalan Pengarah di Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Tan Sri Datuk Dr. Kamal Salih iaitu Pengerusi *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER).

## **Teori Realisme Neoklasikal**

Teori realisme neoklasik diaplikasikan kerana berupaya menghujahkan tindak balas sesebuah negara melalui dasar luarnya terhadap senario politik antarabangsa. Teori ini turut menganalisis tindakan anomali sesebuah negara yang menyimpang daripada norma politik antarabangsa. Selain itu, realisme neoklasikal turut mensintesis gabungan faktor struktur antarabangsa, domestik dan individu dalam penstrukturan dasar luar sesebuah negara. Ini kerana faktor struktur antarabangsa, domestik dan individu tidak boleh berdiri sendiri dalam menerangkan secara total sinergi penstrukturan dasar luar sesebuah negara.<sup>1</sup>


Sistem antarabangsa yang berbentuk anarki adalah berbeza dengan suasana politik domestik. Kerajaan mempunyai kuasa untuk memaksa rakyat mengikut segala arahan dan dasar yang dilakukan tetapi di peringkat politik antarabangsa tidak ada mana-mana negara yang boleh memaksa negara lain. Aspek domestik pula berkait rapat dengan hubungan antara pemimpin dengan aktor domestik. Sebagai contoh, aktor domestik terdiri daripada para usahawan, organisasi bukan kerajaan dan masyarakat awam. Masyarakat awam di Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dan agama dan hubungan antara pemimpin dengan aktor domestik tersebut diukur melalui orientasi sinergi ekonomi. Atas faktor tersebut para pemimpin sentiasa memanfaatkan peluang dengan menjalinkan hubungan dengan mana-mana negara bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Hal ini penting bukan sahaja untuk kelestarian negara tetapi dalam usaha memastikan kelangsungan parti pemerintah. Perlu diketahui bahawa kekuatan negara bukan sahaja dinilai berdasarkan bilangan jumlah tentera dan kapabiliti senjata nuklear tetapi siapa dan bagaimana kekuatan tersebut digunapakai adalah imej sebenar kekuatan sesebuah negara. Rose berhujah bahawa *“the consequence is that the options in foreign policy presented to the political leadership can be diminished because of how they perceive the situation in hand”*.<sup>2</sup>

Walaupun demikian Huntington<sup>3</sup> dan Bahgaf<sup>4</sup> berhujah bahawa pembentukan dan penggubalan dasar luar negara dunia ketiga didominasi oleh faktor pemimpin. Hal ini kerana pemimpin dilihat mempunyai kuasa dominan dalam melaksanakan sesuatu keputusan<sup>5</sup>. Hujahan tersebut menjelaskan bahawa faktor struktur antarabangsa dan domestik sememangnya tidak boleh diabaikan kerana turut mempengaruhi penstrukturan dasar luar sesebuah negara. Kedua-dua faktor tersebut akan menentukan implikasi sama ada dalam

bentuk peluang mahupun ancaman kepada negara serta kelangsungan sesebuah parti pemerintah. Smith berhujah bahawa “*A key determinant of international political outcomes because the international (and regional) environments a state find itself in create incentives and disincentives for action. However, perceptions are important to gauge because it is only through the cognition of flesh and blood officials that structure(s) can have an impact on foreign policy-making*”<sup>6</sup>. Atas faktor tersebut, Norin Ripsman, Jeffery Taliaferro dan Steven Lobell turut menegaskan dasar luar sesebuah negara harus terdiri daripada tiga unit analisis iaitu faktor struktur antarabangsa, domestik dan individu<sup>7</sup>. Mereka turut mendapati bahawa elemen anomali sememangnya mempengaruhi tindakan diluar jangkaan sesebuah negara dalam melaksanakan sesuatu keputusan.

Walaupun terpaksa meneruskan dasar luar yang lebih condong terhadap kuasa-kuasa Barat, Malaysia tetap menjalinkan hubungan dengan China atas prinsip yang neutral. Senario tersebut menjelaskan bahawa setiap negara bebas mengambil sebarang tindakan yang signifikan walaupun mempunyai perbezaan ideologi dan bentuk sistem pentadbiran. Jeffery Taliaferro, Steven Lobell dan Norin Ripsman turut mengembangkan hujahan Rose dalam aspek ancaman berdasarkan ketidaktentuan politik antarabangsa. Ancaman terjadi apabila kuasa-kuasa besar menunjukkan sifat menguasai negara lain, menggunakan ekonomi dan ketenteraan untuk mewujudkan kemusnahan serta memaksimumkan sumber untuk melakukan keseimbangan terhadap rantau mahupun negara-negara lain.

Walaupun bagaimanapun, bentuk ancaman tersebut berpotensi mewujudkan kerjasama ekonomi serta mekanisme penyelesaian konflik yang berlaku demi kepentingan bersama<sup>8</sup>. Adalah tidak dinafikan bahawa China tidak pernah menggunakan kekuatan ketenteraan dan pakatan dengan mana-mana negara lain untuk menjajah Malaysia. Manakala Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau (ASEAN) dan Pertubuhan Negara-Negara Dunia Ketiga masih menjadi medium komunikasi terbaik dalam menyelesaikan sebarang konflik atau pertelingkahan. Berdasarkan hujahan tersebut, kerangka kajian dasar luar Malaysia terhadap China ketika era Razak dianalisis berdasarkan angkubah seperti gambarajah 1.1



## Gambar Rajah 1.1: Dasar luar Malaysia terhadap China ketika era Razak Sumber: Disesuaikan daripada sumber realisme neoklasikal

Secara keseluruhan teori realisme neoklasik yang diadaptasi relevan bagi menganalisis dasar luar Malaysia terhadap China ketika era Razak melalui perubahan tingkah laku dan penyesuaian strategik Malaysia dalam arena politik antarabangsa seperti yang diujjahkan bahagian berikutnya.

### Faktor Struktur Antarabangsa

Struktur politik antarabangsa yang menyaksikan penarikan keluar tentera Amerika Syarikat dan Britain dari rantau Asia Tenggara, kebangkitan kuasa China dan hubungan “*triangle strategic power*” antara Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China telah mewujudkan impak yang signifikan dalam pembentukan dasar luar Malaysia terhadap China. Amerika Syarikat telah menggemparkan dunia apabila bertindak mengeluarkan tenteranya dari Vietnam, Singapura dan Malaysia pada akhir tahun 1969. Tindakan tersebut telah memberikan tamparan hebat kepada Malaysia kerana masih lagi bergelut dengan pengaruh ancaman komunis. British juga mengambil keputusan sama apabila mengundurkan barisan pertahanan dari Malaysia dan Singapura pada tahun 1971 kerana terpaksa menanggung kos kesan daripada peperangan Vietnam lebih daripada 10 tahun.

Analisis mendapati bahawa, pengunduran tentera Amerika Syarikat dan Britain selepas kekalahan mereka kepada Vietnam menjelaskan bahawa tiada jaminan bahawa kuasa-kuasa besar akan melindungi kuasa-kuasa kecil secara konsisten. Tan Sri Jawhar Hassan<sup>9</sup> berujah “*The British lion no longer had any teeth and the American eagle was winging its way out of Asia*”. Situasi tersebut menjelaskan bahawa pengunduran tentera kuasa-kuasa besar tersebut menyebabkan Malaysia terdedah kepada ancaman Parti Komunis Malaysia (PKM) dan komunis dari Vietnam Utara, China dan Kesatuan Soviet. Namun, kebimbangan utama Malaysia adalah terhadap peningkatan teknologi ketenteraan senjata nuklear China dan Kesatuan Soviet.

Selain itu kekalahan Amerika Syarikat dan Britain terhadap Vietnam yang merupakan kuasa kecil dan miskin telah memberikan pengajaran terhadap Malaysia. Pada masa yang sama kebangkitan China sebagai salah sebuah kuasa baru tidak boleh dinafikan. Hal ini kerana kebangkitan kuasa China mampu mempengaruhi kestabilan rantau apabila diterima masuk ke dalam Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan menjadi ahli anggota Majlis Keselamatan Antarabangsa menggantikan Taiwan. Analisis turut mendapati bahawa, penyertaan China ke dalam PBB telah berakhirnya pemuluan masyarakat antarabangsa terhadap Beijing. Pada masa yang sama China telah mula menyusun strategi dengan terlibat secara aktif dalam isu-isu politik antarabangsa mahupun rantau. Atas faktor tersebut menjadikan China sebagai

pelaku utama dalam mengimbangi kestabilan rantau selain daripada Amerika Syarikat mahupun Jepun. Dalam aspek “*triangle strategic power*”, ketika era 1970-an telah menyaksikan perubahan hubungan diplomatik antara Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China. Amerika Syarikat yang dahulunya tidak menjalinkan sebarang hubungan diplomatik dengan China telah mengubah strategi dasar luarnya dengan menjalinkan hubungan normalisasi dengan China pada tahun 1972. Walau bagaimanapun, Kesatuan Soviet yang merupakan sekutu kuat kepada China telah menggemparkan politik dunia apabila memutuskan hubungan diplomasi dengan Beijing.

Anomali fenomenan tersebut telah menyebabkan Razak menstrukturkan semula dasar luar Malaysia daripada dasar luar pro-Barat kepada neutral dan bebas. Signifikan perubahan dasar luar Malaysia untuk kepentingan nasional dan kelangsungan negara kerana pengalaman dijajah oleh British dan Jepun merupakan sebuah pengalaman yang perit dan tidak boleh dilupakan. Walau bagaimanapun, perubahan dasar luar Malaysia bukanlah untuk memutuskan hubungan dengan negara-negara Barat tetapi dasar luar yang dibentuk oleh Razak bersifat lebih pragmatik dan ambivalen iaitu lebih melihat kepada peluang dan kerjasama ekonomi dan bukan berdasarkan perkongsian fahaman dan ideologi yang sama. Signifikannya, Malaysia memerlukan kuasa-kuasa Barat dalam aspek keselamatan kerana masih lagi berlaku cegah rintang antara Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China. Ketika era tersebut hanya Amerika Syarikat sahaja yang mempunyai kapasiti dan kapabiliti untuk mengimbangi kuasa Kesatuan Soviet dan China. Dasar hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara-negara komunis disintesisasikan seperti jadual 1.1.

<b>Tarikh</b>	<b>Negara</b>
April 1967	Kesatuan Soviet
Mei 1967	Yugoslavia
Januari 1969	Bulgaria
Mac 1969	Romania
Februari 1970	Hungary
Jun 1971	Poland
Oktober 1971	Czechoslovakia
Mac 1973	Vietnam Utara
April 1973	German Timur
Jun 1973	Korea Utara
Mei 1974	China

Jadual 1.1: Senarai hubungan bilateral Malaysia dengan negara-negara komunis

Sumber: Disesuaikan daripada Singh (1988)



Berdasarkan jadual 1.1, China merupakan negara terakhir menjadi rakan diplomatik Malaysia sedangkan kuasa besar tersebut merupakan jiran terdekat Malaysia. Senario tersebut menjelaskan bahawa Malaysia tidak menjalinkan hubungan normalisasi dengan China secara terburu-buru sebaliknya melalui perbincangan dan proses yang berhati-hati. Signifikannya tindakan Malaysia tersebut bagi mewujudkan sebanyak mungkin manfaat dan meminimumkan sebarang risiko yang akan dianalisis dalam faktor domestik. Bagi memastikan dasar luar bebas dan neutral direalisasikan, Malaysia telah menyakinkan negara-negara jiran untuk turut mengaplikasikan dasar yang sama dan menggesa kuasa-kuasa besar tidak campur tangan dalam urusan negara lain. Agenda untuk negara menjalinkan hubungan normalisasi dengan China telah lama dibincangkan sejak era Tunku lagi melalui strategi Pelan Aman. Usul tersebut telah dicadangkan oleh Tun Dr. Ismail yang merupakan Menteri Luar pada ketika itu untuk mengiktiraf Beijing setelah perpisahan antara Sino-Soviet. Beliau menegaskan bahawa, “Malaysia perlu mengambil peluang ini untuk mengubah dasar luar sebelum terlewat”.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun usul tersebut ditolak oleh Tunku kerana bertentangan dengan ideologi Malaysia yang akhirnya menyebabkan Dr. Ismail mengundurkan diri daripada kabinet.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun, beliau kembali menyertai kerajaan pada tahun 1970 dengan prinsip yang sama. Beliau masih menekankan kepentingan untuk menjalinkan hubungan diplomasi dengan China dengan menegaskan “*We cannot ask Communist China to guarantee the neutrality of Southeast Asia and at the same time say we do not approve her*”.<sup>12</sup>

Manakala Tun Ghazali Shafie yang merupakan Setiausaha tetap Kementerian Luar pada ketika itu turut berpendirian bahawa Malaysia perlu mempromosi kerjasama serantau untuk memperoleh sokongan daripada Amerika Syarikat, Rusia dan China. Tindakan tersebut wajar bagi mengiktiraf rantau ini menjadi kawasan yang bebas, neutral dan aman untuk mengelakkan daripada berlakunya persaingan antara kuasa-kuasa besar.<sup>13</sup> Situasi tersebut telah menjadi panduan kepada Malaysia bagi mengusulkan pembentukan *Zon of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN) pada tahun 1971. Usul tersebut telah mendapat sokongan daripada lima buah negara anggota ASEAN kecuali Brunei. Tan Sri Jawhar Hassan<sup>14</sup> berhujah bahawa “*ZOPFAN was more a collective aspiration of countries in the region rather than an end in itself*”. Manakala Ghazali Shafie pula berhujah negara anggota ASEAN menyambut baik cadangan ZOPFAN kerana “*The concept is a dynamic response to the present and anticipated manifestation of the threats that concern countries in these parts of the world*”.<sup>15</sup>

Melalui hujahan diatas, analisis mendapati bahawa ZOPFAN merupakan titik permulaan kepada kerjasama secara kolektif dalam kalangan negara-negara kecil di Asia Tenggara yang tidak pernah berlaku ketika era sebelumnya. Pada awalnya usul tersebut tidak dipersetujui, sebagai contoh Presiden Marcos dari Filipina berpendapat idea neutralisasi merupakan



paksaan Kuala Lumpur dalam mencampuri dasar luar negara lain dan ingin menjadi ketua di rantau Asia Tenggara. Thailand pula lebih memilih rantau ini menjadi zon yang aman sahaja manakala Indonesia skeptikal terhadap idea tersebut kerana khuatir China akan menguasai rantau Asia Tenggara. Ketegangan tersebut telah menyebabkan Malaysia membentangkan kertas kerja neutralisasi pada 25 November 1971 dan akhirnya kesemua negara anggota ASEAN menandatangani persetujuan konsep neutralisasi tersebut pada 25-26 November 1971.<sup>16</sup> Kajian mendapati persetujuan bersama tercapai bukan sahaja disebabkan kemerosotan kuasa-kuasa Barat dan peningkatan kuasa China, ia juga didorong oleh faktor ekonomi negara anggota. Hal ini kerana penglibatan kuasa-kuasa besar selama tempoh 20 tahun di rantau Asia Tenggara menyebabkan agenda pembangunan negara dan rantau tergendala dan mundur berbanding dengan rantau yang lain.

China merupakan kuasa besar pertama yang menyokong dan mengiktiraf ZOPFAN sedangkan kuasa besar tersebut tidak pernah menyokong sebarang organisasi antrabangsa di rantau Asia Tenggara. Hal ini kerana sebarang kewujudan organisasi antarabangsa merupakan alat kuasa-kuasa barat seperti ASEAN adalah sama seperti *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) iaitu alat barat yang digunakan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyingkirkan dan meminggirkan China daripada komuniti antarabangsa<sup>17</sup>. Kajian mendapati bahawa, antara faktor yang menyebabkan China menyokong ZOPFAN kerana objektifnya seiring dengan matlamat Beijing iaitu mengamalkan dasar berkecuali dan memberikan perhatian kepada hubungan ekonomi dan perdagangan. Analisis turut mendapati bahawa China menyokong ZOPFAN turut disebabkan ketegangan hubungan diplomatik kuasa besar tersebut dengan Kesatuan Soviet. Sebagai contoh, Beijing tidak suka dengan tindakan dan idea Leonid Brezhnev iaitu Presiden Kesatuan Soviet mengenai sistem kolektif keselamatan Asian kerana seolah-olah sebagai satu usaha untuk mengekang kuasa China. Tindakan China yang turut menyokong pembentukan ZOPFAN merupakan isyarat awal kuasa besar tersebut ingin menjalinkan hubungan normalisasi dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara. Sokongan China terhadap ZOPFAN menyebabkan Malaysia menghantar beberapa pegawai kanan kerajaan dan delegasi ke negara tersebut dalam usaha menjalinkan hubungan normalisasi dan diplomatik dengan Beijing. Kajian mendapati bahawa salah satu faktor China mengubah penderian terhadap Malaysia kerana Kuala Lumpur tidak terikat dengan mana-mana kuasa besar.

Rentetan peristiwa tersebut, pada tahun 1974 Malaysia telah menjalinkan hubungan normalisasi dengan China walaupun ketika itu Perang Dingin masih belum berakhir. Kuala Lumpur juga turut menggesa negara-negara jiran mengambil tindakan yang serupa untuk manfaat dan keselamatan rantau. Filipina dan Thailand merupakan antara negara terawal di rantau Asia Tenggara yang mengikuti jejak langkah Malaysia. Hubungan normalisasi

## negara-negara Asia Tenggara dengan China seperti jadual 1.2.

Negara	Ahli ASEAN	Hubungan diplomatik dengan China
Malaysia	8 Ogos 1967 (Pengasas)	31 Mei 1974
Filipina	8 Ogos 1967 (Pengasas)	9 Jun 1975
Thailand	8 Ogos 1967 (Pengasas)	1 Julai 1975
Indonesia	8 Ogos 1967 (Pengasas)	8 Ogos 1990
Singapura	8 Ogos 1967 (Pengasas)	3 Oktober 1990
Brunei	7 Januari 1984	30 September 1991
Vietnam	28 Julai 1995	10 November 1991
Kemboja	30 April 1999	19 Julai 1958
Laos	23 Julai 1997	25 April 1961
Burma	23 Julai 1997	8 Jun 1950

Jadual 1.2: Hubungan normalisasi negara-negara Asia Tenggara dengan China

Sumber: Disesuaikan daripada Chiang (2018: 3)

Berdasarkan jadual 1.2 telah membuktikan bahawa negara-negara Asia Tenggara menjalin hubungan normalisasi dengan China ketika kuasa besar tersebut masih lagi aktif dalam konflik Indochina. Kajian mendapati bahawa, negara-negara Asia Tenggara melakukan sebuah tindakan yang relevan kerana melalui hubungan normalisasi kedua-dua pihak dapat mewujudkan perbincangan secara bilateral atau multilateral melalui ASEAN dalam membincangkan penyelesaian konflik Indochina. Refleksi daripada peristiwa tersebut juga signifikan dalam memastikan kestabilan rantau kerana China merupakan penaung kepada kuasa-kuasa komunis di rantau Asia Tenggara. Perubahan dasar luar China dalam menyokong ZOPFAN telah membawa kepada perubahan hubungan diplomasi dan kerjasama antara kedua-dua buah negara yang dianalisis dalam faktor domestik.

### Faktor Domestik

Malaysia merintis hubungan normalisasi dengan China melalui dua fasa iaitu fasa pra normalisasi 1970 hingga 1974 dan fasa normalisasi 1974 hingga 1975. Namun, langkah awal telah diambil sejak tahun 1969 apabila Kuala Lumpur menghantar deligasi ke Tokyo untuk mendapatkan khidmat nasihat sebelum menjalin hubungan diplomatik dengan China.<sup>18</sup> Senario tersebut menunjukkan bahawa sebelum Amerika Syarikat menjalin dasar normalisasi dengan China, dasar luar Malaysia lebih berhadapan dengan ketidaktentuan sistem anarki politik antarabangsa.

Seperti yang diujahkan, tahun 1971 mencatatkan sejarah politik antarabangsa apabila Amerika Syarikat telah menjalin hubungan normalisasi dengan China. Oleh itu, usaha Malaysia untuk mengadakan hubungan normalisasi dengan China tanpa tekanan daripada Amerika Syarikat berjaya direalisasikan. Namun, Razak berhadapan dengan cabaran bagi

menyakinkan aktor domestik dalam memastikan usaha beliau disokong oleh semua pihak. Ini kerana terdapat pemimpin elit dan rakyat yang bimbang ke atas hubungan Malaysia dan kuasa-kuasa Barat. Dalam aspek keselamatan pula, mereka khuatir Malaysia akan jatuh ke tangan komunis kerana gerakan insurgensi komunis masih lagi aktif. Pada masa ini, Razak telah menjadikan faktor pertumbuhan ekonomi dengan menjalinkan kerjasama dengan kuasa-kuasa Barat dan negara-negara komunis bagi meyakinkan aktor domestik.<sup>19</sup>

Penyusutan harga getah dan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat menyebabkan Razak perlu mencari rakan-rakan dagang yang baharu. Pada masa yang sama berlaku perubahan ekonomi China apabila kuasa besar tersebut terlibat dalam *Export Processing Zones* (EPZs) pada tahun 1970.<sup>20</sup> Malaysia telah mengambil peluang pasaran China tersebut apabila seramai 19 orang delegasi yang diketuai Tengku Razaleigh dihantar ke China pada Mei tahun 1971. Misi utama rombongan tersebut bagi mencari peluang pasaran, perniagaan dan meningkatkan kerjasama dalam industri getah. Hasil daripada rombongan tersebut, China telah bersetuju untuk membeli 200,000 tan getah Malaysia dan jumlah tersebut meningkat dengan signifikan kepada 350,000 tan getah pada tahun 1975. Menurut Tengku Razaleigh,<sup>21</sup> “Saya telah dijemput secara peribadi oleh Zhou Enlai ke rumahnya ketika delegasi lain dibawa berjalan-jalan. Zhou Enlai meminta saya sampaikan hasrat beliau kepada Tun Razak untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia.”

Selepas lawatan rasmi Razaleigh, Zhou Enlai mengadakan kunjungan rasmi ke Kuala Lumpur pada 15 Mei 1971. Ketika kunjungan tersebut Zhou Enlai melahirkan hasrat menjalinkan hubungan berbaik-baik dengan semua negara ASEAN dan Malaysia merupakan kunci kepada kejayaan tersebut. Pada tahun 1971 juga China telah menyalurkan bantuan perubatan kepada Malaysia akibat banjir besar yang melanda negara.<sup>22</sup> Analisis mendapati bahawa, komitmen tersebut merupakan antara isyarat awal Beijing kepada Malaysia bahawa kuasa besar tersebut ingin menjalinkan hubungan diplomasi dengan Kuala Lumpur. Tindakan Zhou Enlai ketika rombongan Malaysia ke China, lawatan rasmi ke Kuala Lumpur dan bantuan yang diberikan ketika banjir menyebabkan kedua-dua buah negara mula mengadakan beberapa siri perbincangan berterusan bagi merealisasikan hubungan diplomatik.

Impak diplomasi ping-pong bukan sahaja berlaku antara China dan Amerika Syarikat tetapi juga dalam pembentukan hubungan Malaysia-China. Pada tahun 1972 berlaku perbincangan tidak rasmi dalam mewujudkan hubungan diplomatik kedua-dua buah negara iaitu antara Menteri Luar China Ji Pengfei dengan Raja Tun Mohar (Penasihat ekonomi Razak) dan Michael Chan iaitu ahli veteran MCA. Pertemuan selama 45 minit tersebut telah membincangkan mengenai penstrukturan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China. Sekali lagi kedua-dua wakil negara mengadakan pertemuan pada tahun 1972 dan pada ketika ini perbincangan yang dilakukan adalah lebih rasmi. Huang Hua merupakan Perwakilan Tetap China dan penasihat kepada Zhou Enlai

mengadakan pertemuan dengan Zakaria Bin Haji Mohamed Ali iaitu Ketua Perwakilan Tetap Malaysia di PBB<sup>23</sup>. Pertemuan pemimpin kanan kedua-dua buah kerajaan sebanyak dua kali pada tempoh yang singkat mencerminkan bahawa China serius untuk menjalinkan hubungan rasmi dengan Malaysia. Namun, Kuala Lumpur menetapkan empat syarat kepada Beijing sebelum hubungan rasmi dijalinkan. Pertama sokongan China kepada PKM; kedua, menghentikan kritikan media elektronik China kepada kerajaan, ketiga status 220,000 rakyat China tanpa negara yang tinggal di Malaysia dan keempat China perlu memberikan status yang jelas masyarakat China diperantauan selepas hubungan diplomatik direalisasikan.<sup>24</sup>


Ketika itu China belum bersedia untuk membincangkan isu-isu lain kerana lebih fokus kepada hubungan diplomatik kedua-dua buah negara. Disebabkan itu perbincangan lanjut mengenai hubungan rasmi kedua-dua buah negara ditangguhkan sehingga China dapat memberikan jawapan kepada Malaysia mengenai empat isu tersebut. Kajian mendapati bahawa walaupun Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil dan memerlukan pasaran China namun tidak pernah berkompromi mengenai keselamatan dan kepentingan nasional dengan mana-mana pihak. China telah memberikan jawapan pada bulan Oktober tahun 1973 iaitu dua tahun selepas pertemuan dengan Zakaria Ali. Isu pertama mengenai PKM, China menegaskan bahawa kerajaan negara tersebut dan Parti Komunis China (PKC) tidak akan mengadakan hubungan dengan PKM; kedua dan ketiga mengenai kaum China perantauan dan masyarakat China tanpa kewarganegaraan; Beijing memberikan autonomi kepada kerajaan Malaysia untuk menguruskan isu tersebut sama ada menghantar pulang atau memberikan hak kewarganegaraan. Keempat, media China yang mengutuk pemimpin dan negara; China menghentikan segala bentuk propaganda yang mengkritik kerajaan mahupun pemimpin Malaysia.<sup>25</sup>

Analisis mendapati bahawa, terdapat tiga faktor yang menyebabkan China mengambil masa dua tahun untuk memberikan kata putus kepada Malaysia. Pertama, China masih kabur dalam pembentukan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Kedua, menjaga hubungan PKC dengan PKM kerana PKC tidak mahu Kesatuan Soviet mempengaruhi PKM seperti yang berlaku di Vietnam. Ketiga, masalah ekonomi kuasa besar tersebut kerana mengalami kelembapan dan defisit kewangan yang membimbangkan kesan daripada dasar pintu tertutup dan diburukkan lagi apabila Amerika Syarikat menjalankan sekatan ekonomi terhadap China. Kesemua faktor tersebut menyebabkan China perlu mencari rakan-rakan dagang yang baharu seperti Malaysia.

Walah bagaimanapun, Malaysia menerima baik keputusan China dan kedua-dua negara akhirnya menandatangani *Communiqué* pada 31 Mei 1974 yang melambangkan secara rasmi kepada hubungan diplomatik. Analisis mendapati bahawa, Malaysia merupakan negara pertama dalam kalangan anggota ASEAN yang mengadakan hubungan normalisasi dengan China,

negara ke-94 yang mengiktiraf China sebagai sebuah negara yang berdaulat dan negara ke-18 yang menjalankan hubungan diplomatik dengan Beijing. Manakala Razak merupakan pemimpin pertama dalam kalangan negara anggota Asia yang mendapat jemputan khas daripada Zhou Enlai ke China. Senario tersebut adalah penghormatan tertinggi yang diberikan oleh China kepada Malaysia walaupun hubungan normalisasi belum direalisasikan.

Ketika dalam lawatan Razak ke China, Mao Zedong turut memberikan jaminan kepada Malaysia bahawa PKC tidak akan mengadakan hubungan dengan PKM dalam aspek bantuan ekonomi, ketenteraan, senjata serta sokongan moral.<sup>26</sup> Analisis mendapati bahawa, selain kejayaan Malaysia menjalin hubungan normalisasi dengan China, negara juga berjaya menjalin hubungan antara parti dengan parti dalam tempoh yang singkat. Hujahan-hujahan tersebut menjelaskan bahawa, Razak telah mengaplikasikan strategi penyesuaian dengan situasi semasa berbanding Tunku yang mengaplikasikan strategi pengasingan. Diplomasi ping pong dalam pembentukan hubungan Malaysia dengan China disintesiskan melalui gambar rajah 1.2.



Gambar Rajah 1.2: Pembentukan hubungan Malaysia-China 1971-1975  
 Sumber: Disentesis oleh pengkaji

Gambar rajah 1.2 membuktikan bahawa impak diplomasi ping-pong bukan sahaja berlaku antara China dengan Amerika Syarikat tetapi turut mempengaruhi dalam pembentukan hubungan bilateral Malaysia dengan China. Terbentuknya hubungan normalisasi kedua-dua buah negara menyebabkan Malaysia juga tidak lagi menggunakan terma ancaman kepada China dalam mana-mana persidangan antarabangsa, mesyuarat kabinet mahupun media-media prima negara.<sup>27</sup> Dalam aspek diplomatik pula, buat

pertama kalinya kedua-dua buah negara membuka pejabat kedutaan dan Malaysia telah menghantar seramai 17 orang pegawai kerajaan yang diketuai oleh Hashim Sultan sebagai Duta Malaysia yang pertama. Manakala, China telah menghantar Wang Youping sebagai Duta China ke Malaysia pada 24 Januari 1975 bagi mengukuhkan hubungan bilateral kedua-dua negara.

Kronologi pembentukan hubungan Malaysia dengan China daripada tahun 1971 sehingga 1975 disusun melalui jadual 1.3.

Tahun	Kronologi kerjasama Malaysia dengan China 1971-1975
Mei 1971	Hubungan tidak rasmi antara Malaysia dengan China apabila Kuala Lumpur menghantar delegasi perdagangan yang diketuai oleh Tengku Razaleigh iaitu Pengarah PERNAS ke China.
Ogos 1971	Wakil daripada China mengadakan kunjungan rasmi ke Malaysia dalam usaha mempromosikan kerjasama perdagangan.
Oktober 1971	Kunjungan tidak rasmi wakil Malaysia ke Pameran Perdagangan Kapas di China.
Mac 1972	Kunjungan tidak rasmi wakil Malaysia ke China untuk 'Misi Teknikal Getah'.
April 1972	Kunjungan tidak rasmi delegasi <i>Federal Land Development</i> (FELDA) ke China untuk membincangkan jualan minyak kelapa sawit.
Mei 1972	Kunjungan tidak rasmi kali kedua PERNAS ke Pameran Perdagangan Kapas.
Ogos 1972	Kunjungan tidak rasmi kali pertama delegasi ahli perubatan ke China. Duta China di Britain menghadiri resepsi Hari Kemerdekaan Malaysia melalui jemputan rasmi daripada Pesuruh Jaya Tinggi Malaysia di Britain.
November 1972	Tun Raja Mohar penasihat ekonomi kepada Razak mengadakan kunjungan tidak rasmi ke China melalui jemputan wakil China. Mengadakan pertemuan sulit bersama-sama dengan Razali Ismail iaitu pegawai kanan Wisma Putra dengan Zhou Enlai.
Mei 1973	Pasukan ping pong China mengunjungi Malaysia dengan diiringi pegawai-pegawai dari Kementerian Luar China.
Jun 1973	Bermulanya buat pertama kali perbincangan secara rasmi hubungan Malaysia dengan China. Malaysia diwakili oleh Zakaria Ali iaitu Ketua Perwakilan Tetap Malaysia di PBB manakala China pula diwakili oleh Huang Hua Perwakilan Tetap China di PBB.
Disember 1973	Perbincangan kali kedua antara Zakaria Ali dan Huang Hua.
Mei-Jun 1974	Kunjungan rasmi Razak ke China melalui jemputan Zhou Enlai. Razak mengadakan pertemuan rasmi dengan pemimpin-pemimpin tertinggi dan berpengaruh China iaitu Zhou Enlai iaitu Presiden China dan Mao Zedong iaitu Pengasas Parti Komunis China.
Disember 1974	Malaysia melantik Hashim Sultan sebagai Duta Malaysia ke China yang pertama.
Januari 1975	China melantik Wan Youping sebagai Duta China ke Malaysia yang pertama.
Oktober 1975	Kunjungan rasmi Ghafar Baba iaitu Menteri Pertanian ke China untuk mempromosikan kerjasama bilateral kedua-dua buah negara dalam sektor agrikultur.

Jadual 1.3: Kronologi pembentukan hubungan Malaysia dengan China 1971-1975

Sumber: News Straits Times 25 Januari 1975 & Zainun Abidin, Junaidi Awang & Abdullah Zakaria 2015: 55

Berdasarkan jadual 1.3, terdapat 13 kali pertemuan wakil kedua-dua buah negara dalam usaha pembentukan hubungan normalisasi. Melalui pertemuan tersebut, keputusan Malaysia untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan China bukanlah satu keputusan dan tindakan yang dibuat secara terburu-buru sebaliknya satu pendekatan secara berhati-hati dalam menjayakan matlamat kerjasama diplomatik dan ekonomi.

Sebagai contoh, dalam aspek kerjasama ekonomi memperlihatkan peningkatan apabila Keluaran Kasar Dalam Negara (KDNK) pada tahun 1970 berjumlah AS\$ 4.05 bilion kepada AS\$ 6.05 bilion. Peningkatan tersebut disebabkan jumlah eksport getah dan bijih timah ke China. Pada tahun 1976 China konsisten meneruskan kerjasama dan meningkatkan jumlah perdagangan dengan Malaysia walaupun Razak telah meninggal dunia. Sebagai contoh, pada tahun 1975 berjumlah AS\$ 179.2 juta meningkat kepada AS\$ 201.3 juta pada tahun 1976. Situasi tersebut menjelaskan semangat setia kawan walaupun hubungan yang terjalin baru mencapai dua tahun. Walaupun kebiasaanya negara kecil memilih untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang ketenteraan dan pertahanan, namun Malaysia lebih memfokuskan dalam aspek kerjasama memantapkan hubungan diplomatik dan kerjasama ekonomi. Manakala dalam aspek politik pula telah menyaksikan kemenangan besar Parti Perikatan ketika Pilihan Raya Umum 1974. Parti Perikatan telah memenangi sejumlah 135 daripada 154 kerusi di parlimen dan majoriti kerusi tersebut dimenangi oleh UMNO. Kejayaan besar Parti Perikatan pada PRU 1974 disintesisasikan dalam jadual 1.4.

Parti Politik	Kerusi Dipertandingkan	Kerusi Dimenangi	Undi Popular
Parti Perikatan – UMNO	61	61	
Parti Perikatan – PAS	14	14	
Parti Perikatan – MCA	23	20	63.2%
Parti Perikatan – Gerakan	7	4	
Parti Perikatan – PPP	4	1	
Parti Perikatan – MIC	4	4	
Pembangkang – DAP	49	9	18.3%
Pembangkang – Pekemas	36	1	5.1%

Jadual 1.4: Keputusan Pilihan Raya Umum 1974

Sumber: Mauzy 1983: 95-96

Berdasarkan Jadual 1.4, telah membuktikan hubungan normalisasi dengan China memberikan kejayaan besar kepada Parti Perikatan dalam PRU 1974 melalui kerusi yang dipertandingkan dan undi popular berbanding parti pembangkang. Analisis turut mendapati bahawa, kejayaan besar Parti Perikatan juga disebabkan faktor penyertaan beberapa parti pembangkang ke dalam Parti Perikatan. Kurangnya parti pembangkang yang bertanding kerusi parlimen



memberikan kejayaan besar kepada parti kerajaan untuk terus memimpin negara. Namun, kejayaan Parti Perikatan dalam PRU 1974 bukanlah sesuatu yang dijangka kerana kerajaan perlu mengubah persepsi, pendirian dan undi kaum Cina yang cenderung mengundi parti DAP. Signifikannya, PRU 1974 telah berjaya mengubah trend undi kaum Cina kepada MCA sehingga memberikan kemenangan besar kepada parti tersebut.<sup>28</sup>

Sejak bermulanya *vice versa*, terdapat juga peningkatan kerjasama terhadap beberapa isu lain. Sebagai contoh, isu masyarakat China perantauan kerana China gagal mengotakan janji terhadap Malaysia kerana kuasa besar tersebut masih memberikan dwi kenegaraan kepada masyarakat China perantauan dan dilayan seperti warganegara. Selain itu terdapat juga antara mereka yang membawa pasangan dari China ketika melancong ke negara tersebut<sup>29</sup>. Situasi ini telah mewujudkan kebimbangan dalam kalangan pemimpin dan kaum Melayu kerana penularan ideologi komunis dan pertambahan penduduk kaum China. Hal ini kerana jumlah penduduk China ketika itu sudah mencecah 30 peratus dan sekiranya tidak dibendung akan memberikan implikasi negatif bukan sahaja kepada keseimbangan penduduk tetapi terhadap politik dan *status quo* kaum Melayu.

Atas faktor tersebut, Malaysia masih bergantung kepada Amerika Syarikat dan Britain untuk memastikan Malaysia bebas daripada sebarang ancaman. Malaysia bersama-sama dengan Singapura, Britain, Australia dan New Zealand menandatangani perjanjian konsultasi keselamatan *Five Power Defence Arrangement* (FPDA).<sup>30</sup> Perjanjian pertahanan tersebut juga menunjukkan dasar luar Malaysia lebih seimbang dan bebas serta mencerminkan kebijaksanaan Razak dalam menstrukturkan dasar luar Malaysia terhadap kuasa-kuasa besar yang sedang bersaing.

## Faktor Individu

Perubahan yang berlaku dalam struktur antarabangsa dan domestik menyebabkan Razak mengaplikasikan dua strategi dalam menstrukturkan dasar luar Malaysia. Strategi yang pertama ialah menjalinkan hubungan dengan semua negara yang terdiri daripada blok liberalis mahupun komunis; strategi kedua, ialah membangunkan ekonomi dan mempromosikan kebebasan rantau kepada negara-negara jiran dalam usaha menjadikan rantau Asia Tenggara aman dan bebas daripada medan persaingan kuasa-kuasa besar. Hal ini penting dalam memastikan negara-negara dunia ketiga lebih fokus kepada agenda pembangunan ekonomi masing-masing dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kelestaria ekonomi serantau. Oleh hal yang demikian, Razak bertindak lebih positif berbanding rakan-rakan sejawat terhadap perkembangan dan hal-ehwal antarabangsa untuk mengelakkan Malaysia terperangkap daripada persaingan kuasa-kuasa besar.

Menurut Razak Baginda,<sup>31</sup> Razak sebenarnya tidak mempunyai pengalaman dalam pembentukan dasar luar Malaysia kerana Tunku Abdul Rahman bersifat dominan dalam menentukan hala tuju dan dasar negara. Walaupun yang demikian beliau bijak dalam percaturan ketidak tentuan politik antarabangsa kerana dasar luar yang dibentuk lebih bersifat kerjasama dan bukan provokasi khususnya kepada negara komunis. Sebagai contoh sepanjang era pemerintahan Tunku, sebarang usaha untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China (RRC) ditolak untuk dibincangkan. Sebaliknya semasa era Razak beliau menyambut baik segala bentuk perbincangan dan penyelidikan dalam mengadakan hubungan diplomasi dengan China walaupun ketika itu Malaysia masih lagi menghadapi ancaman komunis.

Razak seorang yang berpandangan jauh dan berwawasan dalam mencorakkan masa depan negara. Ketika dunia memusuhi China, beliau merupakan pemimpin negara Asia Tenggara pertama menjalinkan hubungan normalisasi dengan China. Bagi beliau dunia tidak boleh mengabaikan dan mengasingkan China kerana salah satu cara untuk menyedarkan China akan tanggungjawabnya terhadap komuniti antarabangsa adalah menerima negara tersebut sebagai anggota Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan membuka pintu terhadap negara komunis tersebut. Melalui inisiatif tersebut dapat memaksa China tunduk kepada pengaruh politik antarabangsa. Oleh hal yang demikian sumbangan Razak bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada negara-negara jiran. Sebagai contoh pemimpin politik Filipina menyatakan bahawa dasar luar Malaysia terhadap China merupakan contoh terbaik kepada negara-negara Asia Tenggara untuk memperolehi manfaat daripada kuasa besar tersebut.<sup>32</sup>

Razak juga seorang pemimpin yang adil dan mementingkan pembangunan rakyat Malaysia yang multi-etnik. Dasar Ekonomi Baharu (DEB) memberikan manfaat kepada semua kaum dan bukan hanya fokus kepada kaum Melayu dan golongan elit semata-mata. Hal ini kerana terdapat segilintir masyarakat dan ahli politik yang menyatakan bahawa DEB khas kepada kaum Melayu dan golongan elit yang terdiri daripada para pemimpin dan golongan usahawan yang rapat dengan Barisan Nasional (BN). Walaupun demikian, realitinya DEB menyebabkan masyarakat Malaysia bersatu semula kerana ekonomi Malaysia berada pada landasan yang betul sehingga digelar sebagai Harimau Asia.<sup>33</sup> Oleh itu agihan kekayaan negara adalah adil untuk semua dan bukan hanya memberikan faedah dan kebaikan kepada golongan tertentu.

### **Analisis Dasar Luar Razak: Perspektif Realisme Neoklasikal**

Berdasarkan analisis dan hujahan menunjukkan perubahan dasar luar Malaysia terhadap China iaitu daripada permusuhan kepada normalisasi ketika era Razak

disebabkan faktor struktur antarabangsa, domestik dan individu. Walaupun yang demikian para sarjana seperti Zakaria Ahmad,<sup>34</sup> Lee Poh Ping<sup>35</sup> dan Storey<sup>36</sup> berhujah bahawa perubahan dasar luar Malaysia terhadap China adalah disebabkan perubahan yang berlaku dalam sistem politik antarabangsa. Para sarjana berhujah bahawa Malaysia menjalinkan hubungan normalisasi dengan China disebabkan penarikan keluar tentera British dan Amerika Syarikat dari Malaysia dan Singapura dan lawatan Nixon pada tahun 1971 ke China untuk menjalinkan hubungan normalisasi dengan negara komunis tersebut. Namun, Leong,<sup>37</sup> Saravanamutthu,<sup>38</sup> Kuik,<sup>39</sup> Noor Elina & Qistina T.N<sup>40</sup> dan Razak Baginda<sup>41</sup> berhujah bahawa faktor domestik yang menyebabkan Malaysia menjalinkan hubungan diplomasi dengan China seperti kelembapan ekonomi negara, pengurangan permintaan getah dan bijih timah dan kemenangan tipis Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 1969. Atas faktor tersebut, China dikenal pasti sebagai rakan dagang baharu yang boleh menyokong perkembangan ekonomi negara, Dasar Ekonomi Baharu dan kelangsungan Barisan Nasional.

Selain itu, ancaman PKM juga antara faktor yang mempengaruhi tindakan Malaysia untuk menjalinkan hubungan normalisasi dengan China. Signifikannya tindakan tersebut adalah bagi memperoleh persetujuan China supaya menghentikan segala bentuk sokongan terhadap gerakan tersebut. Walaupun begitu Faridah Jaafa,<sup>42</sup> Jorn Dosch<sup>43</sup> dan Edmund Terence Gomez & Elsa Lataye De Micheaux,<sup>44</sup> menganalisis bahawa perubahan dasar luar Malaysia terhadap China bukan disebabkan oleh faktor struktur antarabangsa dan domestik kerana faktor individu yang mempengaruhi kepada pembentukan hubungan normalisasi Malaysia dengan China. Pengalaman Razak ketika era Perang Dingin, konfrontasi dan darurat menyebabkan beliau lebih peka dan sensitif dengan perubahan yang berlaku dalam politik antarabangsa.


Beberapa hujahan di atas menjelaskan beberapa senario yang signifikan. Pertama, perubahan struktur politik antarabangsa ketika kemuncak era Perang Dingin seperti perubahan hubungan China dengan Kesatuan Soviet kepada saling bermusuhan, hubungan normalisasi Amerika Syarikat dengan China, pengeluaran tentera kuasa-kuasa Barat dari rantau Asia Tenggara serta kekalahan tentera Amerika Syarikat dengan kuasa kecil iaitu Vietnam telah menyebabkan Malaysia menstrukturkan semula dasar luarnya. Peristiwa-peristiwa tersebut telah menjadikan Malaysia tidak perlu bergantung dengan mana-mana kuasa besar untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Kedua, Malaysia memerlukan China untuk menstrukturkan semula dasar China Perantauan bagi menghentikan sokongan kepada PKM. Selain itu, kedudukan China juga signifikan dalam dasar luar Malaysia untuk menyokong pasaran komoditi negara. Di peringkat domestik, kedua-dua buah negara mengalami masalah kelembapan ekonomi dan krisis kewangan yang membimbangkan. Atas faktor tersebut kedua-dua buah negara memerlukan rakan dagang baharu untuk mengukuhkan kewangan dan sinergi ekonomi.

Komitmen kerjasama pada peringkat ini hanyalah dalam aspek ekonomi kerana Perang Dingin masih belum berakhir dan kuasa-kuasa besar masih menjalankan cegah rintang satu sama lain. Situasi tersebut ekoran masih wujudnya kesangsian antara Malaysia dan China. Malaysia bimbang kerana PKC masih lagi menjalin hubungan dengan PKM dan aktif dalam konflik di Indochina. Manakala China pula sentiasa berasa ragu-ragu dengan Malaysia kerana hubungan rapat Kuala Lumpur dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Britain.

Ketiga, *harmony interest*<sup>45</sup> turut menyebabkan kedua-dua buah negara bersetuju untuk mewujudkan hubungan diplomasi. Malaysia memerlukan China untuk memastikan kestabilan rantau apabila negara komunis tersebut mula berubah menjadi salah sebuah kuasa besar seperti Jepun. China pula memerlukan Malaysia sebagai agen penyatuan untuk China menjalin hubungan baik-baik dengan negara-negara di Asia Tenggara. Selain itu China juga tidak mahu Kesatuan Soviet menjalin hubungan yang erat dengan Malaysia dalam mengimbangi kuasa Beijing. Pada masa yang sama baik-baik dengan Malaysia memberikan isyarat kepada kuasa-kuasa Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat bahawa telah berlaku reformasi dalam dasar luar negara komunis tersebut. Senario tersebut menunjukkan bahawa China tidak mahu lagi disisihkan oleh komuniti antarabangsa dan bersedia memikul tanggung jawab bersama-sama dalam mendepani sebarang isu yang melibatkan rantau mahupun antarabangsa.

Namun yang demikian polemik dan kekaburan dasar Malaysia terhadap China tidak menghalang kepada peningkatan kerjasama ekonomi dan perdagangan kedua-dua buah negara kerana wujud *harmony interest* antara Malaysia dengan China di peringkat antarabangsa, domestik dan individu. Kedua-dua buah negara saling memerlukan di dalam aspek politik, ekonomi, keselamatan bagi memaksimumkan kepentingan nasional dan mengurangkan sebarang risiko serta ancaman yang berada pada setiap unit analisis. Pembentukan *harmony interest* kedua-dua buah negara bermula daripada sebuah strategi yang kabur (*strategic ambiguity*) kepada strategi yang jelas (*strategic clarity*) sehinggalah terbentuknya hubungan diplomasi kedua-dua buah negara yang telah banyak memberikan manfaat kepada negara. Hubungan keempat-empat ciri tersebut disintesiskan melalui gambarajah 1.3.



Gambar Rajah 1.3: Pembentukan *Harmony Interest* Malaysia-China  
 Sumber: Disentesis oleh pengkaji

## Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa faktor antarabangsa dilihat lebih mendominasi perubahan dasar luar Malaysia terhadap China berbanding faktor domestik dan individu berdasarkan impak yang signifikan kepada suasana domestik dan tindakan pemimpin. Pengunduran tentera Amerika Syarikat dan Britain, perubahan hubungan Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China, ketegangan IndoChina dan kemasukan China dalam PBB telah menyebabkan Malaysia mengubah dasar luar daripada condong ke arah barat kepada dasar luar yang neutral dan bebas. Walaupun yang demikian perubahan dasar luar tersebut bukan memutuskan hubungan dengan Barat tetapi sebuah dasar yang lebih terbuka iaitu menjalinkan hubungan dengan blok barat mahupun dengan blok komunis.

Walaupun telah terjalinnya hubungan normalisasi, masih wujud sentimen kesangsian antara kedua-dua negara atas faktor ancaman keselamatan. Namun yang demikian polemik tersebut tidak menghalang kepada peningkatan kerjasama ekonomi dan perdagangan kerana wujudnya *harmony interest*. Kedua-dua buah negara dilihat saling memerlukan di dalam aspek politik, ekonomi dan keselamatan dalam memaksimumkan kepentingan nasional dan mengurangkan sebarang risiko serta ancaman.

## Nota Akhir

1. Rose. G, "Neoclassical Realism and Theories of Foreign Policy", *World Politics* vol.51(1), 1998, hlm. 75.
2. Rose. G, "Neoclassical Realism and Theories of Foreign Policy", *World Politics* vol.51(1), 1998, hlm. 147.
3. Huntington Samuel, "Democracy third wave", *Journal of Democracy* 2(2), 1991, hlm. 12.
4. Bahgaf Korany, "Foreign policy in the Third World: an introduction", *International Political Sciences Review*,5(1), 1984, hlm. 18.
5. Ayoob Mohammed, *The third world security predicament: state making, regional conflict, and the international system*. United State of America, Lynne Rienner Publishers, 1995, hlm. 88-90.
6. Smith. N.R, "*A new Cold War?: Assessing the current US-Russia Relationship*". Switzerland, 2019, hlm. 46.
7. Ripsman N. Taliaferro & J. Lobell Steven, "*Neoclassical realist theory of international politics*", Amerika Syarikat, Oxford University Press, 2016, hlm. 15-18.
8. Ripsman, N. Taliaferro & J. Lobell. Steven, "*Neoclassical realist theory of international politics*", Amerika Syarikat, Oxford

- University Press, 2016, hlm. 25-30.
9. Temu bual Tan Sri Mohamad Jawhar Hassan, Bekas Pengarah Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Bekas Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 18 Disember 2019.
  10. Chandran Jeshurun, "*Dr Ismail Abdul Rahman: Minister of External Affairs February 1959 – August 1960*", Kuala Lumpur, Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR), 2009, hlm. 18.
  11. Chandran Jeshurun, "*Dr Ismail Abdul Rahman: Minister of External Affairs February 1959 – August 1960*", Kuala Lumpur, Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR), 2009, hlm. 35-38.
  12. Morrison C & Shurke A., "*Strategies of survival: the foreign policy dilemmas of small states*", Australia, University of Queensland Press, 1978, hlm. 160.
  13. Ghazali Shafie, "The neutralization of Southeast Asia", *Pacific Community*, 3(1), 1971, hlm.110-117.
  14. Temu bual Tan Sri Mohamad Jawhar Hassan, Bekas Pengarah Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Bekas Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 18 Disember 2019.
  15. Ghazali Shafie, "*Malaysia: international relations, Selected speeches by M. Ghazali Shafie*", Kuala Lumpur, 1982, hlm. 188.
  16. Saravanamuttu, Johan, "ASEAN Security for the 1980s: the case for a revitalized ZOPFAN", *Contemporary Southeast Asia*, 6(2), 1984, hlm. 186-196.
  17. Razak Baginda, "Malaysia perception of China: From hostility to cordiality", London, Routledge Curzon, 2002, hlm. 227.
  18. Katayama, K, "China's rising influence: its implications for Japan's foreign policy towards Malaysia", Disertasi Ph.D. Universiti Malaya, 2011, hlm. 89.
  19. Saravanamuttu Johan, "The dilemma of independence: two decades of Malaysia's foreign policy, 1957-1977", Penang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1983, hlm. 111.
  20. Temu bual Tan Sri Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah, Pengasas dan Ketua Pegawai Esekutif Petronas 1972, Bekas Menteri Kewangan (1976-1984) dan Bekas Menteri Perdagangan dan Industri (1984-1987) pada 15 November 2019.
  21. Temu bual Tan Sri Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah. Pengasas dan Ketua Pegawai Esekutif Petronas 1972, Bekas Menteri Kewangan (1976-1984) dan Bekas Menteri Perdagangan dan Industri (1984-1987) pada 15 November 2019.

22. Temu bual Profesor Dr. Stephen Leong, Fello Jemputan dan Bekas Timbalan Pengarah di Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) pada 19 November 2019.
23. Zakaria, A, "Normalisation of relations with China", Kuala Lumpur, Institute of Diplomacy and Foreign Relations, Ministry of Foreign Affairs, 2006, hlm. 121.
24. Temu bual Profesor Dr. Stephen Leong, Fello Jemputan dan Bekas Timbalan Pengarah di Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) pada 19 November 2019.
25. Razak Baginda, "China-Malaysia relations and foreign policy", New York: Routledge, 2016, hlm. 72.
26. Temu bual Dr. Razak Baginda, Penganalisis Politik dan Pakar China pada 5 Disember 2019.
27. Razak Baginda, China-Malaysia relations and foreign policy, New York: Routledge, 2016, hlm. 76.
28. Suryadinata, L, The rise of China and the Chinese overseas: A study of Beijing's changing policy in Southeast Asia and beyond, ISEAS-Yusof Ishak Institute, 2017, hlm. 13.
29. Temu bual Dr. Razak Baginda, Penganalisis Politik dan Pakar China pada 5 Disember 2019.
30. Thayer, C, "The Five Power Defence Arrangements: The Quiet Achiever", *Security Challenges*, 3(1), 2007, hlm. 66.
31. Temu bual Dr. Razak Baginda, Penganalisis Politik dan Pakar China pada 5 Disember 2019.
32. Temu bual Metodio B Maraguinot Jr. Ahli Parlimen Filipina dan wakil *Leadership Council of the United Nations Sustainable Development Solutions Network* pada 9 November 2019.
33. Temu bual Profesor Emeritus Datuk Dr. Rajah Rasiah, Profesor Ekonomi Universiti Malaya pada 11 November 2019.
34. Zakaria A, "Stability, Security and National Development in Malaysia: An Appraisal", Singapura, Institute of Southeast Asian Studies, 1987, hlm. 55.
35. Lee Poh Ping, "Advancing east Asian regionalism" *The Developing Economies* 48(2), 2010, hlm. 286.
36. Storey I. "Southeast Asia and the rise of China: The search of security," New York, Routledge, 2013, hlm. 55.
37. Leong S, "Malaysia and the People's Republic of China in the 1980s: Political vigilance and economic pragmatism", *Asian Survey* 27(10), 1987, hlm. 1109-1126.
38. Saravanamuttu Johan, The dilemma of independence: two decades of Malaysia's foreign policy, 1957-1977. Penang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1983, hlm. 111.



39. Kuik Cheng Chwee, "Analyzing Malaysia's Changing Alignment Choices, 1971-1989," *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 37, 2020, hlm. 44.
40. Noor Elina & Qistina T. N, "Great power rivalries, domestic politics and Malaysian foreign policy", *Asian Security*, 13(3), 2017, hlm. 200.
41. Razak Baginda, *China-Malaysia relations and foreign policy*, New York, Routledge, 2016, hlm. 81.
42. Faridah Jaafar, "*Perdana menteri dan dasar luar Malaysia, 1957-2005*", Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 78.
43. Dosch, J. "Mahathirism and its legacy in Malaysia's foreign policy", *European Journal of East Asian Studies* 13(1), 2014, hlm. 5.
44. Gomez, E & Lafaye De Micheaux.E, "Diversity of Southeast Asian capitalism: Evolving state-business relations in Malaysia", *Journal of Contemporary Asia*, 47(5), 2017, hlm. 11.
45. *Harmony interest* mula diperkenalkan oleh Adam Smith pada tahun 1906 melalui karyanya *An inquiry into the nature and cause of the wealth of nation*. Beliau berhujah *harmony interest* melibatkan antara individu dengan pasaran. Moravcsik<sup>3</sup> mengembangkan konsep tersebut dengan menggabungkan kepentingan substantif domestik dan penstrukturan dasar luar negara. Menurut beliau kerajaan akan menstrukturkan sesebuah dasar luar berdasarkan keutamaan negara yang melibatkan interaksi ekonomi, sosial dan budaya yang merentas sempadan. Lihat, Moravcsik. *A. Liberal theories of international relations: A primer*. Princeton, Princeton University, 2010, hlm. 55.

## Rujukan

- Ayoob, Mohammed. 1995. *The third world security predicament: state making, regional conflict, and the international system*. United State of America: Lynne Rienner Publishers.
- Bahgaf, Korany. 1984. Foreign policy in the Third World: an introduction. *International Political Sciences Review*. 5(1), hlm. 7-20.
- Chandran, Jeshurun. 2007. *Malaysia: fifty years of diplomacy 1957-2007*. Kuala Lumpur: The Othther Press.
- Chandran, Jeshurun. 2009. *Dr Ismail Abdul Rahman: Minister of External Affairs February 1959 – August 1960*. Kuala Lumpur. Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR).
- Dosch, J. 2014. Mahathirism and its legacy in Malaysia's foreign policy. *European Journal of East Asian Studies* 13(1), 5-32.

- Faridah Jaafar. 2007. *Perdana Menteri Dan Dasar Luar Malaysia, 1957-2005*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ghazali Shafie. 1971. The neutralization of Southeast Asia. *Pacific community* 3(1): 110-117.
- Ghazali Shafie. 1982. *Malaysia: international relations. Selected speeches by M.Ghazali Shafie*". Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn Bhd.
- Ghazali Shafie. 2000. *Malaysia, ASEAN and the new world order*. Bangi: UKM.
- Gomez E & Lafaye De Micheaux E. 2017. Diversity of Southeast Asian capitalism: Evolving state-business relations in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 47(5), 1-23.
- Hisham Kamal & Norazizan Idris. 2017. Reaksi China Terhadap Strategi Pivot Atau Keseimbangan Semula Amerika Syarikat Ke Rantau Asia. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 44(1), 215-239.
- Huntington Samuel. 1991. Democracy third wave. *Journal of Democracy* 2(2): 12-34.
- Kamal Salih. 2019. *Driving Development: Revisiting Razak's Role In Malaysia's Economic Progress*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Katayama Kazayuki. 2011. China's Rising Influence: Its Implications For Japan's Foreign Policy Towards Malaysia. Disertasi Ph.D. Universiti Malaya.
- Kuik Cheng Chwee. 2016. Malaysia between the United States and China: What do weaker state hedge against? *Asian Politics & Policy*, 8(1),155-177.
- Kuik Cheng Chwee. 2013. Analyzing Malaysia's changing alignment choices, 1971-1989. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 37, 31-54.
- Kuik Cheng Chwee. 2010. Smaller states' alignment choices: A comparative study of Malaysia and Singapore's behaviour in the face of a rising China. The Johns Hopkins University.
- Leong Stephen. 1987. Malaysia and the People's Republic of China in the 1980s: Political vigilance and economic pragmatism. *Asian Survey* 27(10), hlm. 1109-1126.
- Lee Poh Ping. 2010. Advancing east Asian regionalism. *The Developing Economies* 48(2), 286-288.
- Lee Kam Hing dan Lee Poh Ping. 2005. Malaysia-China Relations: A review. Dlm Hou Kok Chung dan Yeoh Koh-Kheng (pnyt.). *Malaysia, Southeast Asia and the Emerging China: Political, economic and cultural perspectives*, hlmn 51-50. Kuala Lumpur: Institute of China Studies.

- Lobell S. E. Ripsman N. M. & Taliaferro J. W. 2009. *Neoclassical realism, the state, and foreign policy*. Cambridge University Press.
- Moravcsik. A. 2010. *Liberal theories of international relations: A primer*. Princeton: Princeton University.
- Mohd Ikbal bin Mohd Huda. 2015. *Bantuan pembangunan rasmi Jepun ke Malaysia 1996-2010: Impak ke atas pembangunan sosioekonomi Malaysia*. Disertasi Ph.D Universiti Malaya.
- Mohd Ikhrum Mohd Ridzuan, Ikbal Huda & Sity Daud. 2019. Enam dekad grand strategy Malaysia terhadap China (1957-2018): Dasar luar negara membangun terhadap negara kuat. *The International Journal of East Asian Studies*, 8 (1), 31 – 44.
- Nathan K.S. 1987. Malaysia and the Soviet Union: A relationship with a distance. *Asian Survey* 27(10), 1059-1073.
- Nathan K.S. 1990. Malaysia in 1989: Communists end Armed Struggle. *Asian Survey*. 30(2), 210-220.
- Noor Elina & Qistina T. N. 2017. Great Power Rivalries, Domestic Politics And Malaysian Foreign Policy. *Asian Security*, 13(3), 200-219.
- Nor Azizan Idris. 1990. Peranan dan pengaruh Tunku Abdul Rahman Dalam Sejarah Dasar Luar Negara: Tahun- Tahun Awalan 1957-1962. *Jebat*, Vol. 18.
- Powell Bingham, Dalton Russell & Strom Kaare. 2015. *Comparative Politics Today: A World View 11<sup>ed</sup>*. England. Pearson.
- Ramli Dollah & Wan Shawaluddin. 2019. *Bilateralisme Dan Hubungan Luar Malaysia*. Indonesia: UNDIP PRESS.
- Ruhanas Harun. 2008. Perang Vietnam: Tragedi politik abad ke-20. Dlm Abdullah Zakaria & Zulkarnain Abdul Rahman (pnyt.). *Konflik dunia abad ke-20*, hlm. 127-155. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razak Baginda & Rohana Mahmood. 1995. *Malaysia's Defence & Foreign Policies*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Razak Baginda. 2002. Malaysian perceptions of China: From hostility to cordiality. Dlm Ian Storey & Herbert Yee (pnyt.). *The China Threat: Perceptions, Myths and Reality*, hlm. 227-247. London: Routledge Curzon.
- Razak Baginda. 2016. *China-Malaysia Relations and Foreign Policy*. New York: Routledge.
- Ripsman N. Taliaferro & J. Lobell. Steven. 2016. “*Neoclassical Realist Theory Of International Politics*”. Amerika Syarikat: Oxford University Press.
- Rose G. 1998. Neoclassical realism and theories of foreign Policy. *World Politics*. 51(1), 75-115.
- See Seng Tang. 2016. *Multilateral Asian Security Architecture: Non-ASEAN stakeholders*. New York: Routledge.

- Severino Rodolfo C. 2008. *ASEAN*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Shee Poon Kim. 2004. The Political Economy Of Mahathir's China Policy: Economic Cooperation, Political And Strategic Ambivalence. *Ritsumeikan Annual Review of International Studies*, Vol. 3, hlmn. 59-79.
- Sity Daud. 2020. *Dasar Pembangunan dan Populisme Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sity Daud. 2004. Globalisasi dan negara pembangunan. *Akademika* (64), 27-41.
- Sity Daud. 2012. Negara dan ideologi pembangunan. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud & Zaini Othman (pnyt.). *Demokrasi kepemimpinan dan keselamatan dalam politik malaysia*, hlm. 152-171. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smith. N.R. 2009. "A new Cold War?: Assessing the current US-Russia Relationship". Switzerland: Palgrave .
- Swee-Hock, Lijun, S. & Wah C.K. 2005. *ASEAN-China relations: Realities and prospects*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Savaranamuttu J. 1972. A Study Of The Content, Sources, And Development Of Malaysian Foreign Policy 1957-1975. Disertasi Phd. The University of British Colombia.
- Saravanamuttu Johan. 1983. *The Dilemma Of Independence: Two Decades Of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Saravanamuttu Johan. 1984. "ASEAN Security For The 1980s: The Case For A Revitalized ZOPFAN". *Contemporary Southeast Asia*, 6(2), 186-196.
- Saravanamuthu Johan. 2007. Tun Ismail-Early Architect Of Malaysian Foreign Policy. *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations* 9(1), hlm. 1-16.
- Saravanamutthu Johan. 2010. *Malaysia's Foreign Policy, The First Fifty Years: Alignment, Neutralism, Islamism*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Suryadinata L. 2017. *The rise of China and the Chinese overseas: A study of Beijing's changing policy in Southeast Asia and beyond*. ISEAS-Yusof Ishak Institute.
- Smith A. (1776/1906). *An Inquiry into the Nature and Cause of the Wealth of Nation*. (5th ed.). London: Methuen & Co., Ltd.
- Smith A. (1759/1790). *The Theory of Moral Sentiments*. (6th ed.) London: A. Millar.
- Storey I. 2013. *Southeast Asia and the rise of China: The Search Of Security*. New York: Routledge.

- Thayer, Carlyle A. 2007. The Five Power Defence Arrangements: The Quiet Achiever. *Security Challenges*. 3(1), 66-79.
- Walt Stephen. 1985. Alliance Formation And The Balance Of World Power. *International Security*, 9(4), 3-43.
- Yiping Li. 2006. Sino-Malaysian Diplomacy In The Post-Cold War Period: A Regional Analysis. Dlm Emile Kok Kheng Yeoh Dan Hou Kok Chung (Pnyt.). *China And Malaysia In A Globalizing World: Bilateral Relations, Regional Imperatives And Domestic Challenges*, hlmn 45-56. Kuala Lumpur: Institute of China Studies.
- Yeoh Emile Kok-Kheng. 2019. Malaysia: Perception of contemporary China and its economic, political and societal determinants. *The Pacific Review*, 32 (3), 395-418.
- Zakaria Ahmad. 1987. *Stability, Security and National Development in Malaysia: An Appraisal*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Zakaria Ahmad. 2011. A quasi-pact of enduring value: A Malaysian perspective of the FPDA. Dlm. Ian Storey, Ralf Emmers, & Daljit Singh (pnyt.). *Five power Defence Arrangements at forty*, hlm. 98-104. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Zarina Othman. 2019. Neorealisme dan Institusionalisme dalam perang dan keamanan. Dalam. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman (pnyt). *Demokrasi kepemimpinan & keselamatan dalam politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhang Yunling. 2008. *China-Asean: Making new partnership*. China: Social Sciences Academic Press.
- Zaharul Abdullah, Abdul Rahman Embong & Sity Daud. 2020. China's Economic in Malaysia and Malaysia's response. *Southeast Asian Social Science Review*, 5(1), 26-52.
- Zakaria Mohd Ali. 2006. Normalisation of relations with China. Dlm. Fauziah Mohammad Taib (pnyt.). *Number One Wisma Putra*, hlmn 119-1130. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, Ministry of Foreign Affairs.
- Temu bual Tan Sri Mohamad Jawhar Hassan. Bekas Pengarah Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Bekas Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 18 Disember 2019.
- Temu bual Tan Sri Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah. Pengasas dan Ketua Pegawai Esekutif Petronas 1972, Bekas Menteri Kewangan (1976-1984) dan Bekas Menteri Perdagangan dan Industri (1984-1987) pada 15 November 2019.
- Temu bual Profesor Dr. Stephen Leong. Fello Jemputan dan Bekas Timbalan Pengarah di Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) pada 19 November 2019.

Temu bual Tan Sri Datuk Dr. Kamal Salih. Pengerusi Malaysian Institute of Economic Research (MIER) pada 12 Disember 2019.

Temu bual Profesor Emeritus Dr. Johan Saravanamuttu. Sarjana Hubungan Antarabangsa, Pakar Dasar Luar Malaysia dan China pada 26 November 2019.

Temu bual Dr. Razak Baginda. Penganalisis Politik dan Pakar China pada 5 Disember 2019.

Temu bual Metodio B Maraguinot Jr. Ahli Parlimen Filipina dan wakil *Leadership Council of the United Nations Sustainable Development Solutions Network* pada 9 November 2019.

Temu bual Profesor Emeritus Datuk Dr. Rajah Rasiah. Profesor Ekonomi Universiti Malaya pada 11 November 2019.

### **Nota Biografi**

Mohamad Ikham Mohamad Ridzuan (mohdikham89@gmail.com) merupakan calon pelajar Phd Analisis dan Strategi Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaji juga merupakan pensyarah daripada UCSI University.

Mohd Iqbal Mohamad Huda (PhD) (ibahuda@ukm.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sity Daud (PhD) (sitydaud@ukm.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.